


BELATUK MERAH
Banded Woodpecker

FAMILI: Picidae
NAMA SAINTIFIK: *Picus miniaceus*



CIRI-CIRI

Spesies ini hampir sama dengan Belatuk Mas (*Picus puniceus*) tetapi di bahagian telinga terdapat warna kuning kemerahan dengan jalur-jalur hitam pudar, warna merah di bahagian atas kepala mengunjur sehingga ke bahagian belakang kepala dan bahagian bawah badan berwarna coklat keputihan dengan warna coklat kemerahan lusuh di bahagian tepi tekak dan dada. Terdapat jalur-jalur hitam pudar yang tebal di bahagian dada sehingga bahagian bawah tongkeng. Bagi burung betina, warna kuning kemerahan di bahagian telinga agak pudar dan terdapat bintik-bintik putih di sekitar bahagian dahi dan juga muka. Bagi burung juvenil pula, warna keseluruhan agak lusuh berbanding burung dewasa manakala bahagian dahi dan atas kepala mempunyai warna coklat pudar. Jalur-jalur di bahagian bawah badan agak tidak kelihatan.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 25-27 sm.

MAKANAN

Kumbang, semut, serangga kecil dan buah-buahan.

HABITAT

Habitat yang sesuai ialah di hutan tanah pamah, hutan sekunder, kawasan perladangan dan kadang kala paya bakau. Spesies ini boleh dijumpai sehingga pada ketinggian 915 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi kawalan kawasan 1-7 kali *peew* atau *kwee*. Di samping itu, spesies ini juga mengeluarkan bunyi *keek*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan adalah dari bulan November-September pada setiap tahun. Sarang dibina pada rongga-rongga di bahagian pokok dan ketinggian sarang adalah dari 8-20 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2-3 biji telur pada setiap kali ianya dan warna telur adalah putih berkilat. Anggaran saiz telur adalah 26.9-27.7x19.5-20.5 mm.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.